

**SOALAN NO.: 16**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**  
**KAWASAN : PENGKALAN CHEPA**  
**TARIKH : 25 OKTOBER 2016, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini Projek Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) yang bermula dari Gemuroh, Kuala Terengganu ke Pangkalan Kubor, Tumpat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek Lebuh Raya Pantai Timur, Fasa 3 atau LPT3 dari Kg. Gemuroh, Kuala Terengganu ke Pangkalan Kubor, Tumpat sememangnya termasuk dalam perancangan Kerajaan untuk dilaksanakan pada masa hadapan. Berdasarkan kajian awalan (2009), projek ini berpotensi untuk dilaksanakan secara kaedah penswastaan. Walau bagaimanapun keputusan untuk melaksanakan projek ini – termasuk penentuan kos dan kaedah pelaksanaan projek – adalah merupakan perkara dasar yang masih dalam pertimbangan pihak Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.